

# **KEADILAN ORGANISASI DALAM PENGURUSAN PERUBAHAN: SATU KEMESTIAN**

**Ab. Aziz Yusof\***

*Keadilan ialah prinsip, tunjang dan tunggak ynng aknn menjnmin keberkesnnnn dnn kejnynan dalam setiap perubnhnn ynng dilaksanakan oleh pengurus dalam organisasi. Aspek keadilan perlu dijunjung tinggi oleh setiap pengurus ynng ingin memastikan kejaynnn di sebnlik setinp perubahan yang bakal atau sedang dilakukan. Pengurus perlu prihatin kerana isu-isu keadilan bersifat sejagat yang melangkaui sempadan bangsa, jantina, hirarki dan jabatan. Pengurus perlu memberi perhatian terhadap aspek ini kerana organisasi yang meletakkan keadilan di tempat yang sewajarnya akan berjaya meruntuhkan termuk perkauman, diskriminasi dan prejedis. Justeru, ketidaksehaluan dan prasangka pengurus terhadap segolongan pekerja tidak sepatutnya menjurus mereka berlaku tidak adil. Ini adalah kerana kendilan organisasi merupakan aset milikan bersama yang perlu dibangun, dipelihara dan diagih secara saksama. Kendilan yang terserlah akan membolehkan pengurus bertindak secara lebih fleksibel, terbuka dan telus dalam mengharungi arus perubahan yang akan mempengaruhi kelebihan kompetitif organisasi.*

## **PENDAHULUAN**

Organisasi hari ini bergerak dalam persekitaran yang dinamik, kompleks dan terdedah kepada pelbagai tuntutan sama ada dari dalam atau luar organisasi. Situasi ini menyebabkan agenda perubahan menjadi satu kemestian bagi menjamin kelangsungan organisasi tersebut. Dalam melaksanakan agenda perubahan, pengurus perlu mewujudkan persekitaran yang terbuka, telus dan ikhlas. Pengurus hendaklah meletakkan asas keadilan sebagai neraca utama dalam setiap keputusan dan tindakan yang diambil semasa melaksanakan sesuatu perubahan. Sungguhpun pengurus tidak

---

\* **Abdul Aziz Yusof**, pensyarah pengurusan sumber manusia, Sekolah Pengurusan, Universiti Utara Malaysia.

inungkin boleh inemuaskan setiap tuntutan, kehendak dan keperluan pekerja seinasa melaksanakan perubahan, tetapi perubahan yang dilakukan berlandaskan keadilan dan kesaksainaan boleh meminiinuinkan kekecewaan, konflik dan ketidakpuasan akibat daripada tindakan perubahan tersebut.

Keprihatinan pengurus terhadap aspek keadilan akan membainkan salah faham dan keimbangan di kalangan pekerja yang bakal menerima kesan langsung daripada pelaksanaan perubahan. Ini penting untuk memastikan dalain setiap perubahan yang dilakukan tidak ada mangsa yang teranaya atau sengaja dianiayai. Kejayaan pengurus melaksanakan perubahan bukan di atas pencabulan, penafian dan pengeksploitasi prinsip serta hak persinaan dan persaudaraan sejagat yang sedia diiniliki oleh pekerja dalain sesebuah organisasi.

### **DEFINISI KEADILAN**

Seinua ahli dalain organisasi inahu diberi persamaan hak dan ditunjukkan keadilan dan kesaksainaan dalam setiap layanan yang diperolehi oleh inereka (Greenberg, 1987). Keadilan organisasi di teinpat kerja terserlali apabila berlaku pengagihan sesuatu yang dianggap rasional saina ada mendatangkan kebaikan atau keburukan (Greenberg, 1987). Mengikut Cropanzano dan Greenberg (1997) keadilan organisasi inerujuk kepada persepsi kesaksainaan dan kesannya terhadap gelagat pekerja dalain organisasi.

Manakala Cook, Hunsaker dan Coffey (1997) inenyatakan keadilan sebagai kesaksainaan dalain pengagihan ganjaran dan penentuan hukuman. Ini bermakna organisasi perlu bersedia memberikan ganjaran yang berhak diterima oleh pekerja di sainping menghukum pekerja yang bertindak bercanggah dengan inatlainat organisasi. Greenberg dan Baron (1997) telah membahagikan keadilan kepada dua aspek utaina iaitu keadilan perhubungan perorangan dan keadilan penyainpaian inaklumat. Keadilan perhubungan perorangan inerujuk kepada tahap sensitiviti terhadap orang lain dalain konteks pengagihan hasil yang patut diterima. Manakala keadilan penyampaian maklumat berkait rapat dengan kesediaan pengurus meinberi penjelasan, sebab-sebab dan prosedur yang digunakan dalain inenentukan pengagihan hasil dan hukuman.

Justeru, sesuatu tindakan yang diambil oleh pengurus ke atas pekerja hanya dianggap adil jika tiada sesiapa yang mengambil kebaikan untuk kepentingan diri sendiri daripada pihak lain hasil daripada keputusan yang dibuat. Mengikut Lawson dan Shen (1998), antara isu-isu yang telah dikenal pasti mempunyai kaitan dengan keadilan organisasi ialah penentuan kenaikan pangkat, tindakan disiplin, pembuangan, cadangan untuk keperluan latihan, kenaikan gaji dan aspek-aspek lain yang inelabiktan pembangunan individu. Semua isu yang dinyatakan ineinpunyai hubungan langsung dengan program perubahan yang dilaksanakan oleh organisasi.

### **DIMENSI KEADILAN**

Dalam inembincangkan isu keadilan organisasi, ahli akadeinik telah mengenal pasti empat dimensi utama keadilan yang perlu diberi perhatian oleh pengurus iaitu keadilan pengagihan (Folger, 1987; Deutsch, 1985; Adams, 1965), keadilan prosedur (Lind, 1988; Greenberg, 1987; Leventhal, 1980), keadilan interaksi (Bies & Shapiro, 1987; Bies & Moag, 1986) dan keadilan sistem (Beugre, 1996). Sungguhpun terdapat perbezaan di antara keempat-empat diinensi keadilan yang dinyatakan tetapi semua ineinpunyai hubung kait di antara satu sama lain. Sebagai contoh, tanggapan bahawa wujud keadilan pengagihan, keadilan prosedur dan keadilan interaksi akan menjurus kepada tanggapan wujud sistem yang adil dalain keseluruhan aktiviti pengurusan organisasi termasuk program pembangunan. Di samping itu, pengurus perlu ingat keadilan pengagihan dan keadilan prosedur saling memberi kesan antara satu sama lain (Tyler, 1988). Individu akan menggunakan hasil yang diperolehi sebagai petunjuk wujud keadilan prosedur (Lind & Lissak, 1985).

Keempat-empat diinensi keadilan inerupakan perkara penting kepada pengurus dalam inelaksanakan perubahan.

#### **i- Keadilan pengagihan**

Lawson dan Shen (1998), menyatakan keadilan pengagilan berkait rapat dengan keadilan dalam pengagilan liasil. Sehubungan itu, pelaksanaan perubahan akan memberi kesan yang menyeluruh kepada pengagilan sumber akibat daripada pembahagian peranan dan status, kenaikan pangkat, kuasa dan ganjaran Cobb, Wooten dan Folger (1995) mengatakan pengagilan sumber merupakan ciri peinbangunan organisasi terutama dalam membangun misi dan strategi baru, mengubah keutamaan dan ineinperkenalkan kaedad baru untuk mencapai inatalamat atau sasaran baru yang telah dikenal pasti.

Persoalannya, bagaiinana pengurus boleh membuat pengagihan suinber dengan adil selari dengan perubahan yang dilakukan dan pada masa yang sama menjamin pengagihan suinber yang seimbang terhadap semua pihak yang terlibat. Persoalan timbul berkenaan siapa sepatutnya akan menikmati kenaikan pangkat, siapa akan dikekalkan, diturunkan pangkat atau tersisih apabila organisasi melakukan perubahan seperti pengstrukturuan seinula melalui program pengecilan atau re-engineering organisasi. Isu ini perlu ditangani sebaik mungkin dengan meletakkan keadilan pengagihan sebagai neraca pertimbangan utama. Kegagalan menangani keadilan dalam pengagihan sumber akan menyebabkan ketegangan yang didorong oleh kemarahan, kurang produktif dan ketidakpuasan yaiig tinggi di kalaangan pekerja (Steve, 1999).

Ketidakadilan dalam pengagihan sumber berlaku apabila pekerja tidak memperoleh ganjaran yang setiinpal berbanding ganjaran yang diperoleh oleh pekerja lain yang memberi sumbangan pengetahuan, usaha dan kepakaran pada kadar yang sama. Perubahan organisasi perlu menimbang bukan sahaja pengallian kewangan tetapi juga pengagihan bukan kewangan seperti pembahagian tugas, tanggungjawab, pengaruh dan kuasa. Kedua-dua bentuk pengagihan ini saling berkait antara satu sama lain. Dalam banyak keadaan semakin banyak awab yang dipikul oleh seseorang pekerja dalam melakukan perubahan inaka seinakin tinggi ganjaran kewangan sepatutnya diterima.

Keadilan pengagihan akan ineniinbulkan minat individu untuk bekerjasama dalam organisasi. Setiap pekerja inemberi input kepada organisasi dan ineneriina ganjaran yang seimbang dengan input yang telah diberikan. Tenaga kerja ialah input sumbangan, sementara gaji, bonus dan kemudahan merupakan ganjaran. Sekiranya sumbangan yang diberi oleh pekerja tidak ineinadai atau lebih rendah daripada ganjaran yang diteriina, inaka organisasi akan menghadapi pekerja yang menyatakan ketidakpuasan inereka dengan melabelkan sistem pengallian yang tidak adil.

**A**pabila meinbincangkan peranan keadilan pengagihan dalam melaksanakan perubahan pengurus tidak patut membelakangkan aspek bedah siasat terhadap sebarang permasalahan yang berbangkit daripada pelaksanaan perubahan. Pengurus perlu melakukan bedah siasat secara bersama-sama dengan pekerja terhadap sebarang permasalahan yang dihadapi. Bedah siasat secara bersama-sama bermaksud semua pihak yang terlibat dalam

permasalahan akibat perubahan perlu turut serta dalam usaha mencari jalan penyelesaian. Tidak mencukupi jika pengurus dan pengurusan atasan sahaja yang menangani keperluan perubahan dan permasalahannya tetapi pekerja yang terlibat tidak diajak untuk meneliti keperluan perubahan, persediaan yang perlu dilakukan dan penilaian kesan perubahan yang dilakukan.

Wujudnya keadilan dalam proses bedah siasat yang dilakukan secara kolektif akan meningkatkan lagi komitmen dan keyakinan pekerja ke atas perubahan yang dilaksanakan. Justeru, pengurus perlu mengenal pasti dan ineliatkan pemain-pemain utama periibahan termasuk penaja dan agen perubahan dalam membedah siasat permasalahan yang dihadapi. Kemahiran, kepakaran dan pengaruh yang diiniliki oleh mereka akan membantu menjayakan program perubahan. Jika pekerja tidak dapat melihat justifikasi, kepentingan dan keperluan untuk melakukan sesuatu perubahan maka sudah tentu mereka tidak bersedia untuk turut terlibat menjayakannya. Justeru, pengurus perlu lebih bersedia untuk inenbuat penyesuaian semula peranan dan tanggungjawab dengan ineliatkan pekerja yang akan menerima kesan langsung terhadap pengagihan sumber akibat perubahan yang dilakukan.

Mengikut Deutsch (1985), bagi memastikan wujud keadilan pengagihan terdapat tiga elemen utama yang perlu ada iaitu ekuiti, persamaan dan keperluan. Eleinen ini meinberi pengaruh yang signifikan terhadap keseluruhan proses perubahan. Ekuiti inerujuk kepada pengagihan imbuhan atau ganjaran yang berpadanan dengan setiap input yang diberikan oleh pekerja. Persamaan pula merupakan pembahagian imbuhan atau ganjaran yang sama rata tanpa inengira tahap input. Seterusnya, keperluan merujuk kepada pembahagian imbuhan atau ganjaran yang dibuat dengan mengambil kira kebijakan setiap pekerja yang terlibat dalam proses perubahan.

Seterusnya Deutsch (1985) menekankan bahawa peraturan dalam membuat pengagihan tertakluk kepada matlamat organisasi. Organisasi yang mengutamakan produktiviti daripada segi pulangan kewangan sudah tentu menjadikan ekuiti prinsip utama dalam pengagihan keadilan bukan persamaan dan keperluan. Sebaliknya, prinsip persamaan akan menjadi prioriti dalam pengagihan keadilan apabila organisasi bermatlamat untuk menggalak atau mengekalkan hubungan sosial secara kolektif. Seterusnya, organisasi yang berorientasikan peinbangunan dan kebijakan peribadi pekerja memilih keperluan sebagai prinsip dominan dalam mengagihkan keadilan.

Biasanya, perubahan dilakukan bertujuan untuk meningkatkan pencapaian dan ekuiti perlu dijadikan prinsip utama dalam membuat pengagihan sumber. Ini bermakna aspek persamaan dan keperluan tidak perlu diberi tumpuan. Sebagai contoh prinsip persamaan perlu diberi tumpuan dalam inenyediakan pengagihan yang positif dan negatif perubahan yang dilakukan. Ini berinakna setiap individu dan juga kumpulan perlu mendapat layanan yang sama berhubung dengan gaiijaran dan hukuman yang diperolehi akibat pelaksanaan perubahan. Oleli itu dalam membuat bedah siasat permasalahan, pengurus tidak sepatutnya melindungi mana-mana pihak yang bertanggungjawab mendatangkan masalah kepada organisasi. Jika pengurus tidak bersedia mengambil tindakan yang setimpal ke atas pihak berkenaan, ini akan inenjurus kepada berlaku kekecewaan dan penentangan ke atas perubahan yang diperkenalkan oleh pengurus.

Dalam satu kajian yang dilakukan Mannix, Neale dan Northcraft (1995) inengenai kesan budaya organisasi ke atas ketiga-tiga prinsip pengagihan di atas, inereka telah mengenal pasti terdapatnya tiga jenis budaya iaitu budaya berorientasikan ekonomi, berorientasikan perhubungan dan berorientasi pembangunan peribadi. Mereka mendapati ahli kumpulan dalam budaya berorientasikan ekonomi lebih kerap menggunakan prinsip ekuiti. Manakala inereka yang berada dalam budaya berorientasikan perhubungan lebih rapat dengan prinsip persamaan dan seterusnya mereka yang berada dalam budaya berorientasikan pembangunan peribadi lebih rapat dengan prinsip keperluan

Adakalanya didapati ketiga-tiga prinsip pengagihan ini bercanggah antara satu sama lain. Sebagai contoh, ahli kumpulan dalam budaya berorientasikan perhubungan mendapati lebih sukar untuk mencaai persetujuan jika dibandingkan dengan inereka yang berada dalam kumpulan budaya berorientasikan ekonomi. Ini kerana ahli kumpulan dalam budaya berorientasikan perhubungan lebih bersedia untuk inenbuat konsensus walaupun konsensus itu sendiri sukar dicapai. Dalam aspek ini sungguhpun norma-norma persamaan cuba untuk dihayati tetapi adakala ia bercanggah dengan inatlamat ekonomi di kalangan sesetengah ahli dalam kumpulan. Percanggahan juga tidak boleh dielakkan apabila prinsip pengagihan dipengaruhi oleh sifat atau orientasi organisasi itu sendiri. Keadaan ini berlaku akibat orientasi organisasi yang berdasarkan sistein tugas dan sosial tetapi pada masa yang saina memberi penekanan kepada pencapaian keuntungan serta mahu inenekalkan hubungan yang erat di antara ahli dalam organisasi.

Di samping itu, pengurus perlu sedar bahawa semasa melaksanakan perubahan, terdapat pekerja yang perlu inenperbaiki kemahiran dan kepakaran yang sedia diiniliki atau disesuaikan dengan tugas baru yang dipertanggungjawabkan. Oleli itu, latihan tambahan untuk melaksanakan tugas baru perlu disediakan selain ganjaran kewangan yang perlu diaghii secara adil. Peluang latihan sedemikian perlu disediakan bagi membolehkan pekerja menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja yang baru. Manakala kepada pekerja yang akan dibuang, organisasi patut menyediakan bantuan daripada segi khidmat nasihat dan peneinpatan semula. Tanggapan wujud keadilan dalain tindakan yang diambil bergantung kepada proses dan prosedur organisasi yang sudah tentu akan inenpengaruhi tahap penerimaan pekerja terhadap perubahan yaig dilaksanakan.

## ii- Keadilan prosedur

Keadilan prosedur ialah keadilan yang inainpu dibuktikan oleli pengurus dalain pelaksanaan prosedur yang telah ditetapkan oleli organisasi secara konsisten dan telus. Perkara utama yang perlu ada bagi menjamin wujud keadilan prosedur ialah penyediaan ruang atau peluang kepada pekerja untuk inengawal sesuatu keputusan yang bakal diambil ke atas inereka (Thibaut & Walker, 1975). Sesuatu prosedur diterima sebagai adil apabila pihak yang inempertikai sesuatu keputusan diberi peluang mengawal kesan daripada keputusan yang akan diambil dan pada masa yang sama diberi peluang untuk turut terlibat dalam menyediakan alternatif tindakan. Keyakinan yang tinggi di kalangan pekerja terhadap wujud keadilan prosedur hanya terjadi apabila pekerja diberi peluang untuk inenyuarkan pandangan bagi membolehkan mereka mempengaruhi keputusan yang akan dibuat oleh pengurus terliadap mereka.

Thibaut dan Walker (1975) juga menegaskan bahawa pekerja akan menganggap sesuatu keputusan itu adil apabila mereka telah diberi peluang untuk terlibat memberi input ke atas sesuatu prosedur yang diamalkan. Sungguhpun pada kebiasaannya perubahan dicetuskan oleli pengurus tetapi tidak dapat dinafikan bahawa input daripada pekerja amat signifikan bagi memastikan perubahan dapat dilaksanakan dengan jaya. Wooten (1996) telah menyatakan kepentingan pengurus untuk memahami konsep '*groundrules*' dalam melaksanakan perubahan. Konsep '*ground rules*' merujuk kepada sebab asas kenapa perubahan perlu dilaksanakan. Sebab ini amat inustahak untuk dijelaskan kepada pekerja. Pekerja akan menganggap sesuatu prosedur sebagai adil jika inereka inemahami rasional kenapa prosedur itu diperkenalkan. Kefahaman mereka terhadap sesuatu prosedur akan

meningkatkan keyakinan mereka bahawa wujud keadilan dalam prosedur yang diperkenalkan.

Folger (1987) mendapati pekerja yang diberi kesempatan untuk ‘bersuara’ bukan hanya lebih bersedia menerima prosedur sebagai adil tetapi sanggup memberi koinitmen yang tinggi untuk melaksanakannya. Suara di sini merujuk kepada tahap sejauh manakah pekerja boleh inenyatakan pandangan mereka kepada pembuat prosedur iaitu pengurus sebelum keputusan akhir yang melibatkan mereka diambil. Sungguhpun begitu, jika peluang untuk menyuarakan pandangan hanya akan meningkatkan tanggungjawab dan kepatuhan terhadap prosedur, belum pasti pekerja akan menganggap prosedur berkenaan adil.

Mengikut Bies dan Shapiro (1987) jika hasil daripada kesan pelaksanaan prosedur didapati tidak sebagaimana dijangka, besar kemungkinan wujud perasaan saling tidak percaya dan inembangkitkan kemarahan di kalangan pekerja yang terbabit.

Di samping inenyediakan ruang bersuara, pekerja juga perlu diperkasakan dalam proses perubahan dilakukan. Pekerja yang telah diperkasakan akan lebih komited berusaha untuk menjayakan perubahan berkenaan. Melalui program memperkasakan pekerja mereka boleh membuat semakan, rayuan dan menyediakan peluang untuk memberi penjelasan dan inenpertahankan diri terhadap kesilapan yang mungkin berlaku. Menurut McFarlin dan Sweeney (1996) salah satu petunjuk bagi memastikan wujud keadilan prosedur dalam organisasi ialah memiliki mekanisme yang memperlihatkan pekerja inempunyai suara mengenai sesuatu yang berlaku dalam proses perubahan.

Leventhal, Karuza dan Fry (1980) telah mengenal pasti enam garis panduan utama yang perlu dipatuhi bagi memastikan wujud keadilan prosedur. Keenam-enam garis panduan yang dimaksudkan ialah konsistensi, bebas daripada bias, kesahihan maklumat, kebolehbaikian, rasa diwakili dan kepekaan yang tinggi terhadap etika.

#### a. Konsistensi

Konsistensi dalam pelaksanaan perubahan ialah elemen penting bagi membuktikan wujud keadilan. Setiap prosedur hendaklah dilaksanakan secara sama tanpa inengira siapa terutama dalam pengagihan sumber semasa proses

perubahan yang dilakukan. Dalam inelaksanakan perubahan, prosedur-prosedur formal yang telah ditetapkan dalam proses perubahan mesti konsisten pada setiap masa, keadaan, pekerja dan jabatan yang terlibat dengan perubahan untuk satu jangkainasa yang panjang. Jika prosedur ini kerap berubah dan pefaksanaannya inembelangi ketelusan maka dengan se: keadilan dalam pelaksanaan prosedur akan dipersoalkan oleh setiap p diri yang terlibat. hak

#### b. Bebas daripada bias

Membernamkan pilih kasih merujuk kepada penilaian, pembangun dan pelaksanaan prosedur yang bebas daripada unsur berat sebelah seperti dipengaruhi oleh nepotisme atau kronisme. Mengikut Leventhal (1980), unsur kepentingan peribadi dan persetujuan yang dilakukan dengan memihak kepada pihak tertentu perlu dielak daripada berlaku pada setiap peringkat atau keadaan dalam program perubahan. Penekanan kepada pengelakan daripada pilih kasih boleh dilakukan oleh pengurus dengan memastikan prosedur yang ditetapkan bebas daripada kepentingan untuk diri sendiri dan mereka yang sehaluan, sepandapat atau inempunyai ciri persamaan dengan pengurus. Keberkesanan proses perubahan bergantung kepada sejauhmanakah kepentingan organisasi diutainakan berbanding dengan kepentingan peribadi.

#### c. Kesahihan inakluinat

Setiap prosedur dan keputusan yang telah diambil perlulah berasaskan kepada maklumat yang sah serta layak untuk dipercayai. Mengikut Leventhal (1980), garis panduan penentuan kesalihian bukan setakat diaplikasikan kepada setiap komponen prosedur yang telah ditetapkan tetapi ia juga berkait rapat dengan kaedah yang telah diambil dalam pengumpulan maklumat berhubung dengan pihak yang bakal inenerima kesan daripada perubahan yang dilakukan. Sebagai contoh menyediakan maklumat yang mencukupi kenapa pekerja perlu inengikut latihan dan membuat pengumuman berkenaan perkara itu akan membangkitkan rasa kesedaran betapa perlu latihan apabila sesuatu perubahan diperkenalkan.

Kegagalan pengurus inengkomunikasikan sebab kenapa perubahan perlu dilakukan merupakan salah satu daripada sebab utama berlaku kegagalan dalam melaksanakan perubahan. Oleh itu rnengkomunikasikan maklumat yang betul bukan sahaja dapat mengenal pasti permasalahan dan inembuat pembetulan tetapi pada masa yang sama akan mengelakkkan wujud prejudis

dan salah faham antara pekerja yang terlibat dalam perubahan. Oleh itu, penyelesaian masalah melalui fungsi silang melalui maklumat yang sah akan melicinkan lagi pelaksanaan perubahan yang dilakukan.

#### d. Kebolehbaikian

Kebolehbaikian inerupakan mekanisme yang perlu disediakan oleh pengurus untuk menilai keinbali keputusan yang telah diambil. Pengurus hendaklah menyediakan ruang untuk inengubah keputusan yang telah ditetapkan apabila ia inendapati keputusan tersebut dipengaruhi oleh prejudis, perbezaan aliran,<sup>7</sup> salah faham dan kepentingan diri yang inengakibatkan berlakunya ketidakadilan kepada mana-mana pihak. Mekanisme sedenikian perlu disediakan bagi membolehkan keputusan yang telah dibuat diubah atau dimodifikasi pada peringkat pengenalan, pelaksanaan atau penilaian. Kebolehbaikian akan ineinbuka ruang kepada pekerja untuk mencabar setiap tindakan yang mendatangkan kesusahan kepada mereka atau organisasi secara keseluruhan.

#### e. Rasa diwakili

Seterusnya rasa diwakili terhadap setiap prosedur yang diputuskan perlu wujud bagi menjamin terdapatnya keadilan prosedur. Rasa diwakili merujuk kepada minat setiap pihak inerasakan prosedur yang dilaksanakan ialah sebahagian daripada milik mereka yang perlu dipertahankan kerana kesediaan organisasi mengambil kira pandangan sebelum, semasa dan selepas perubahan dilakukan. Rasa diwakili terhadap prosedur dapat dibuktikan apabila setiap peringkat dalam proses perubahan mampu inempamerkan ketaatan, kecintaan, keprihatinan, keyakinan dan mengambil kira setiap kuinpulan yang terlibat dalam perubahan.

#### f. Kepekaan yang tinggi terhadap etika

Prinsip kepekaan yang tinggi terhadap etika merujuk kepada kebolehan organisasi merealisasikan nilai moral, norma dan piawai etika sebagaimana yang telah dipersetujui oleh organisasi. Di antara kelakuan organisasi yang menunjukkan penolakan nilai-nilai etika ialah memperdayakan, mengamal rasuah, pencerobohan terhadap hak-hak asasi dan menjalankan kerja-kerja yang sengaja mer eka-reka, inencari dan inengintip kelemahan dan kesilapan yang mungkin dilakukan oleh pekerja secara sedar atau tidak sedar (Leventhal, 1980). Etika menjelaskan kod penentuan periaju yang dikatakan baik dan tidak baik dalam sesebuah organisasi. Penghayatan terhadap etika

merupakan pantulan kepada akhlak dan tanggungjawab yang datang serentak dengan peranan sosial organisasi. Oleh itu, pengurus yang juga agen perubahan perlu bertindak dalam lingkungan etika selari dengan peranan dan kedudukan mereka dalam sesebuah organisasi.

Garis panduan berhubungan keadilan prosedur bukan mudah untuk direalisasikan. Adakala ia bertentangan antara satu sama lain. Sebagai contoh, apabila pengurus berhadapan dengan kekangan masa, sudah tentu inereka perlu membuat keputusan dengan cepat. Tindakan mereka sedemikian akan menafikan input daripada pekerja. Lebih-lebih lagi apabila pengurus berpendapat perbincangan boleh melambatkan dan menyulitkan keputusan yang akan diambil. Di samping itu, dalam keadaan tertentu pengurus sendiri mempunyai maklumat yang terbatas untuk inembuat sesuatu keputusan. Dalam batasan sedemikian, pengurus perlu inenoptimumkan makluinat yang sedia dimiliki untuk membuat keputusan.

#### iii. Keadilan Berinteraksi

Keadilan interaksi ineinbolehkan pengurus ineminimumkan inasalah ketidakpuasan akibat daripada pengaruh persepsi selektif, sindrom sama macam saya, stereotaip, penyalahgunaan kuasa dan lain-lain. Masalah sedemikian akan mewujudkan tidak puas hati, salah faham, perseteruan, kebimbangan dan kekecewaan di kalangan pekerja yang menerima kesan langsung daripada pelaksanaan perubahan organisasi. Oleh itu, satu bentuk interaksi yang baik perlu wujud di antara pekerja yang menerima kesan daripada perubahan dengan pengurus yang melaksanakan perubahan.

Keadilan interaksi semasa melaksanakan perubahan akan dapat dibangunkan sekiranya pihak pelaksana inemahami tujuan perubahan dilaksanakan dan kesan terhadap perubahan yang dilakukan. Pengurus yang melaksanakan perubahan hendaklah sedar bahawa pekerja akan merasakan perubahan yang dibuat itu adil sekiranya diberi penekanan kepada kepentingan kolektif ahli dalain kumpulan, bebas daripada pilih kasih, dilakukan dengan penuh amanah dan mampu untuk memberikan maklum balas yang tidak dipengaruhi oleh emosi, penghukuman awal dan prejudis.

Seterusnya bagi memastikan wujudnya keadilan berinteraksi setiap anggota dalam organisasi perlu ada rasa tanggungjawab terhadap kesan yang ditanggung hasil daripada setiap tindakan yang telah diambil. Rasa tanggungjawab sedemikian akan meningkatkan tanggapan wujudnya keadilan dalam setiap tindakan yang diainbil oleh pembuat keputusan dan

akan lebih diterima oleh anggota dalam organisasi. Daly (1995) menyatakan pengurus yang menjelaskan sesuatu keputusan berkaitan dengan perubahan akan membantu pekerja bersedia menerima perubahan tersebut. Namun, jika penjelasan yang tidak mencukupi diberikan ia boleh dianggap sebagai tidak adil serta menyebangkan kemarahan atau rasa ketidakpuasan terhadap pengurus dengan keputusan yang dianggap tidak **adil**.

Pengurus yang bertindak sebagai agen perubahan hendaklah sedar bahawa ciri-ciri keinanusaan seperti emosi, keikhlasan, kesetiaan, perkongsian, gabungan, kelompok dan konflik merupakan pengaruh yang penting dalam menentukan keberkesanan sebuah organisasi. Oleh itu pihak pengurusan perlulah menitikberatkan interaksi antara individu dengan organisasi. Ini kerana interaksi manusia merupakan sumber yang paling penting mempengaruhi keberkesanan perubahan. Justeru, tahap pengetahuan, kepakaran, tenaga dan penglibatan ahli dalam organisasi akan mempengaruhi tahap kejayaan perubahan yang dilakukan. Keperluan emosi dan keistimewaan individu secara langsung atau tidak langsung akan mengancam atau memperlambat proses perubahan yang dilaksanakan.

Oleh itu, diintensi keadilan interaksi memerlukan pengurus supaya mengelak daripada menyebarkan pekerja sebagai inana yang difikirnya. Penjelasan mengenai perubahan perlu dilakukan kerana tanpa penjelasan pengurus tidak mampu untuk mempertahankan sebab-sebab sebenar bersabut dengan keputusannya melakukan sesuatu perubahan. Ini kerana apabila perubahan yang hendak dilakukan diperjelaskan kepada pekerja, ia membolehkan pekerja melihat hasil daripada perubahan dan proses perubahan dilakukan secara lebih adil. Tanggapan cara pengurus menyebarkan pekerja akan mempengaruhi tanggapan pekerja terhadap keadilan dalam melaksanakan perubahan.

#### iv. Keadilan Sistem

Individu biasa terdorong untuk membangunkan peta kognitif terhadap sistem sosial yang diamalkannya. Tahap keadilan sistem memberi keprihatinan yang luas terhadap prosedur yang telah inenjadi sebatas kepada mereka. Di sainping hasil dan prosedur, sistem juga dianggap adil atau tidak adil apabila diamalkan. Ini kerana organisasi merupakan sistem politik dimana pelbagai pihak mempunyai agenda yang tersendiri. Oleh itu, anggota organisasi melihat organisasi sebagai teinpat untuk memenuhi agenda berkenaan. Justeru, setiap tindakan pengurusan dalam sistem organisasi akan

dinilai daripada tahap keberkesanan dan keefisienan dalam usaha untuk memenuhi minat anggota organisasi. Apabila organisasi dilihat sebagai medan untuk memenuhi kepentingan pelbagai pihak, maka pembentukan sistem adalah bertujuan untuk memastikan pengagihan sumber dilakukan secara adil kepada pelbagai pihak yang berkepentingan.

Dalam melaksanakan perubahan, keadilan sistem perlu wujud bagi memastikan keprihatinan organisasi terhadap keadilan organisasi secara keseluruhannya. Kewujudan keadilan sistem akan membolehkan individu beranggapan organisasi sebagai teinpat kerja yang bertindak berdasarkan kesaksamaan. Pekerja bersedia memberi kepercayaan dan membeli kerjasama sepenuhnya dalam melaksanakan perubahan tanpa mengira sama ada mereka akan memperoleh manfaat atau tidak daripada perubahan berkenaan asalkan perubahan dilaksanakan berlandaskan sistem yang adil.

Sungguhpun keadilan sistem merupakan penilaian umum wujud keadilan dalam organisasi tetapi ia juga berkait rapat dengan sistem khusus yang diamalkan dalam organisasi. Antara contoh sistem khusus termasuk sistem kenaikan pangkat, sistem pertukaran, sistem ganjaran dan sistem latihan akibat perubahan yang dilakukan. Tahap keadilan sistem tersebut akan mempengaruhi sikap dan gelagat pekerja dalam menilai sistem yang diamalkan.

### KESIMPULAN

Keadilan organisasi dalam melaksanakan perubahan merupakan persoalan pokok yang perlu diberi perhatian khusus oleh semua pengurus. Mereka perlu sedar aspek keadilan dalam pengurusan perubahan merupakan salah satu penentu kepada kejayaan atau kegagalan program perubahan. Pengurus tidak sepatutnya menggadaikan keadilan dalam melaksanakan perubahan organisasi dengan keuntungan peribadi, kerana semata-mata memenuhi desakan, keefisienan dan produktiviti yang bakal diperoleh hasil daripada perubahan yang dilakukan. Oleh itu, keempat-empat asas penentuan utama keadilan organisasi hendaklah dijadikan kriteria utama dalam melaksana, mengurus dan menilai perubahan. Pengurus perlu menyebarkan keyada semua lapisan anggota dalam organisasi betapa perlunya keadilan mengurus perubahan dengan menjadikan diri mereka sendiri sebagai model yang layak dicontohi. Mereka perlu yakin tahap keadilan yang diperlakukan akan mempengaruhi daya saing dan kelangsungan organisasi secara keseluruhan.

## BIBLIOGRAFI

- Beugre, C. D. (1996). *Analyzing the effect of perceived fairness on organizational commitment and workplace aggression*. Unpublished doctoral dissertation, Rensselaer Polytechnic Institute, School of Management, Troy, NY.
- Bies, R.J., & Moag, J.S. (1986). Interactional justice: Communication criteria of fairness. In R.J. Lewicki, B.H. Sheppard, & M.H. Bazerman (Eds.), *Research on negotiation in organizations* Vol. 1, pp. 43-55. Greenwich, CT: JAI.
- Bies, R.J., & Shapiro, D.L. (1988). Interactional fairness judgments: The influence of causal accounts. *Social Justice Research*, 1, 199-218.
- Cobb, T.A., Wooten, C. K., & Folger, R. (1995). Justice in the making: Toward understanding the theory and practice of justice in organizational change and development. In Pasmore W. A. & Woodman R. W. (Eds.), *Research in organizational change and development* (Vol. 8, pp. 243-295). Greenwich, CT: JAI.
- Cook, C., Hunsaker, P., & Coffey, R. (1997). *Management and organizational behavior*. Chicago: Irwin.
- Cropanzano, R., & Greenberg, J. (1997). Progress in organizational justice: Tunneling through the maze. *International Review of Industrial and Organizational Psychology*, 12, 317-372.
- Daly, J. P. (1995). Explaining changes the employees: The influence of justification and change outcomes on employees' fairness judgments. *Journal of Applied Behavioral Science*, 31, 415-428.
- Deutsch, M. (1985). *Distributive justice: A social-psychological perspective*. New Haven, CT: Yale University Press.
- Folger, R. (1977). Distributive and procedural justice in the workplace. *Social Justice Research*, 1, 143-159.
- Greenberg, J. (1987). A taxonomy of organizational justice. *Academy of Management Review*, 12, 9-22.
- Greenberg, J., & Baron, R. (1995). *Behavior in organisations* (6<sup>th</sup> ed.). New Jersey: Prentice Hall.
- Lawson, R. & Shen, Z. (1998). *Organizational psychology: Foundations and applications*. New York: Oxford University Press.
- Leventhal, G.S. (1980). What should be done with equity theory? In K.J. Gergen, M.S. Greenberg, & R. H. Willis (Eds.). *Social exchange: Advances in theory and research* (pp. 27-55). New York: Plenum.
- Leventhal, G.S., Karuza, J., & Fry, W.R. (1980). Beyond fairness: A theory of allocation preferences. In G. Mikula (Ed.). *Justice and social interaction* (pp. 167-218). New York: Springer-Verlag.
- Lind, E., & Lissak, R. (1985). Apparent impropriety and procedural fairness judgments. *Journal of Experimental Social Psychology*, 21, 19-29.
- Mannix, E.A., Neale, M.A., & Northeraft, G.B. (1995). Equity, equality, or need? The effects of organizational culture on the allocation of benefits and burdens. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 63, 276-286.
- McFarlin, D.B., & Sweeney, P.D. (1996). Does having a say matter only if you get your way? Instrumental and value-expressive effects of employee voice. *Basic and Applied Social Psychology*, 18, 289-303.
- Steve, W. (1999). "The effect of distributive and procedural justice on performance." *Journal of Psychology Interdisciplinary and Applied*. 133 (2), 183-194.
- Thibaut, J. W., & Walker, L. (1975). *Procedural justice: A psychological analysis*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Tyler, T. (1988). "What is procedural justice?" *Law and Society Review*, 22, 301-335.
- Wooten, K.C. (1996, August). *Justice is as justice does: Organizational justice from an OD theory and change perspective*. Symposium presentation at the Academy of Management Annual Meeting, Cincinnati, OH.